

SERANTA AWAM ATAS TALIAN BIL 2/2021

CADANGAN PINDAAN PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI EKSPORT IKAN DAN KELUARAN IKAN KE KESATUAN EROPAH) 2009

1. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada nama peraturan.

Pindaan Nama Peraturan

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI EKSPORT IKAN DAN ~~KELUARAN~~ **HASIL** IKAN KE KESATUAN EROPAH) 2009

2. Meminda definisi ikan dengan merujuk Peraturan-Peraturan Makanan 1985 pada peraturan 2: Tafsiran ikan.

Pindaan Peraturan 2

~~“ikan” mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Perikanan 1985 [Akta 317]~~ **ertinya ikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985.**

3. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada peraturan 2: Tafsiran “kehendak Kesatuan Eropah”.

Pindaan Peraturan 2

“kehendak Kesatuan Eropah” ertinya apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah yang berhubungan dengan pengeluaran sijil kesihatan berkenaan dengan ikan dan ~~keluaran~~ **hasil** ikan;

4. Meminda definisi hasilan ikan dengan merujuk Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada peraturan 2: Tafsiran “keluaran ikan”.

Pindaan Peraturan 2

~~“keluaran ikan” termasuklah semua bentuk, bahagian dan hasil ikan yang boleh dimakan;~~ **“hasil ikan” ertinya hasil ikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985**

5. Mengeluarkan frasa “pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri” kerana pegawai – pegawai tersebut adalah termasuk dalam Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan pada peraturan 2: Tafsiran “pihak berkuasa kompeten”.

Pindaan Peraturan 2

“pihak berkuasa kompeten” ertinya mana-mana pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, ~~dan mana-mana pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri,~~ yang ditetapkan oleh Menteri bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

6. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada peraturan 2 : Tafsiran “premis eksport”.

Pindaan Peraturan 2

“premis eksport” ertinya mana-mana premis atau kemudahan yang di dalamnya ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan disediakan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah;

7. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada peraturan 3.

Pindaan Peraturan 3

Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengeksport apa-apa ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.

8. Meminda subperaturan 4(1) bagi permohonan sijil kesihatan supaya permohonan dibuat sebelum konsainan dieksport dan memperkukuhkan keperluan peruntukan bagi pematuhan berdasarkan kehendak yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan dan menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil”.

Pindaan subperaturan 4(1)

- (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengeksport apa-apa ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah memohon sijil kesihatan sebelum konsainan dieksport daripada pihak berkuasa kompeten bagi setiap konsainan ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan itu ~~secara bertulis~~ dan mematuhi kehendak yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

9. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada perenggan 4(2)(a).

Pindaan perenggan 4(2)(a)

(2) (a) dia telah mendapatkan bekalan ikan dari, atau bekalan ~~keluaran~~ **hasil** ikan dari ikan yang dibekalkan oleh pemunya sistem kultur atau vessel penangkapan ikan yang berkenaan dengannya suatu sijil kualiti ikan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawalan Kualiti Ikan bagi Eksport ke Kesatuan Eropah) 2009 [P.U. (A) 91/2009] telah dikeluarkan dan masih sah.

10. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada subperaturan 4(2)(b).

Pindaan subperaturan 4(2)(b)

b) dia telah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah berhubungan dengan ikan dan ~~keluaran~~ **hasil** ikan bahawa-

11. Meminda subperenggan 4(2)(b)(i) dengan mengeluarkan frasa “mematuhi kehendak Kesatuan Eropah” dan menggantikan dengan “diiktiraf di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pengiktirafan Tempat Pendaratan Ikan untuk Eksport Ikan ke Kesatuan Eropah) 2010”.

Pindaan subperenggan 4(2)(b)(i)

(i) ikan yang dibekalkan oleh seseorang pemunya vessel penangkapan ikan yang telah didaratkan di tapak pendaratan yang **diiktiraf di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pengiktirafan Tempat Pendaratan Ikan untuk Eksport Ikan ke Kesatuan Eropah) 2010** mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.

12. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil”, mengeluarkan perkataan “sebuah”, memasukkan perkataan “bebas” pada stor sejuk, dan mengeluarkan perkataan “bebas” pada premis pemprosesan kerana maksud bebas dalam bahasa Kebangsaan merujuk kepada stor sejuk dan bukan premis pemprosesan pada subperenggan 4(2)(b)(ii).

Pindaan subperenggan 4(2)(b)(ii)

(ii) ikan dan ~~keluaran~~ **hasil** ikan separa proses diperolehi dari ~~sebuah~~ stor sejuk **bebas** atau premis pemprosesan ~~bebas~~ yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.

13. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada subperenggan 4(2)(b)(iii).

Pindaan subperenggan 4(2)(b)(iii)

(iii) bahan mentah ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan yang diimport adalah diperolehi dari sumber yang diluluskan oleh Kesatuan Eropah dan hendaklah disertakan dengan suatu sijil kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten negara pengeksporth.

14. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada subperenggan 4(2)(b)(iv).

Pindaan subperenggan 4(2)(b)(iv)

(iv) ais yang digunakan dalam pengangkutan atau pemprosesan ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan adalah diperolehi daripada premis pengeluar ais yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;

15. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” dan memasukkan simbol “/” dan perkataan “dan” pada subperenggan 4(2)(b)(v).

Pindaan subperenggan 4(2)(b)(v)

(v) kenderaan yang digunakan untuk mengangkut ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan atau ais adalah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah; atau/dan

16. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada subperenggan 4(2)(b)(vi).

Pindaan subperenggan 4(2)(b)(vi)

(vi) pemprosesan atau penyediaan ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan adalah dijalankan di premis eksport yang mematuhi kehendak Kesatuan Eropah;

17. Meminda peraturan 5 dengan memasukkan perkataan “atau keengganan mengeluarkan” bagi memastikan hanya permohonan yang mematuhi keseluruhan keperluan mendapat sijil kesihatan.

Pindaan Peraturan 5

Pengeluaran atau keengganan mengeluarkan sijil kesihatan

18. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada subperaturan 5(2).

Pindaan subperaturan 5(2)

(2) Sijil kesihatan di bawah peraturan ini hendaklah dikeluarkan hanya bagi konsainan ikan dan ~~keluaran~~ **hasil** ikan yang berkaitan dengannya.

19. Memasukkan subperaturan baru 5(3) bagi memastikan hanya permohonan yang mematuhi keseluruhan keperluan mendapat sijil kesihatan.

Pindaan subperaturan 5(3)

(3) Konsainan ikan dan hasil ikan tidak boleh dieksport sebelum sijil kesihatan diperolehi.

20. Memasukkan subperaturan baru 5(4) bagi memastikan hanya permohonan yang mematuhi keseluruhan keperluan mendapat sijil kesihatan.

Pindaan subperaturan 5(4)

(4) Pihak berkuasa kompeten boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi suatu sijil kesihatan yang dibuat di bawah peraturan 4, enggan mengeluarkan sijil tersebut.

21. Memasukkan subperaturan baru 5(5) bagi memastikan hanya permohonan yang mematuhi keseluruhan keperluan mendapat sijil kesihatan.

Pindaan subperaturan 5(5)

(5) Keputusan pihak berkuasa kompeten untuk enggan mengeluarkan sijil kesihatan itu, hendaklah disampaikan kepada pemohon melalui notis bertulis.

22. Meminda peraturan 7 dengan mengeluarkan frasa “dan Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri” kerana unit tersebut termasuk dalam Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan.

Pindaan peraturan 7

~~Kuasa pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. dan Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri.~~

23. Meminda subperaturan 7(1) dengan mengeluarkan frasa “dan mana-mana pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri” kerana pegawai-pegawai dalam unit tersebut adalah termasuk dalam Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan.

Pindaan subperaturan 7(1)

(1) Pegawai-pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ~~dan mana-mana pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri~~ hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

24. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada perenggan 7(1)(c).

Pindaan perenggan 7(1)(c)

(c) untuk memeriksa kenderaan yang digunakan untuk mengangkut ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan ke premis eksport;

25. Meminda peraturan 7(1)(d) dengan memasukkan frasa “yang digunakan dalam pengangkutan atau pemprosesan” dan mengeluarkan frasa “bagi maksud konsainan” untuk menjelaskan aktiviti yang terlibat bagi memudahkan pelaksanaan dan penguatkuasaan dan menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil”.

Pindaan perenggan 7(1)(d)

(d) untuk memeriksa pengeluar ais yang membekalkan ais yang digunakan dalam pengangkutan atau pemprosesan ~~bagi maksud konsainan~~ ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan untuk eksport;

26. Mengeluarkan perkataan “konsainan” dan menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada perenggan 7(1)(e).

Pindaan perenggan 7(1)(e)

(e) untuk memeriksa stor sejuk yang digunakan untuk menyimpan apa-apa ~~konsainan~~ ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan untuk eksport;

27. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada perenggan 7(1)(f).

Pindaan perenggan 7(1)(f)

(f) untuk memeriksa premis yang di dalamnya terdapat bahan mentah separa proses ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan untuk eksport; dan

28. Menggantikan perkataan “keluaran” kepada “hasil” pada perenggan 7(1)(g).

Pindaan perenggan 7(1)(g)

(g) untuk memeriksa sumber yang darinya bahan mentah ikan dan ~~keluaran~~ hasil ikan diimport untuk dieksport.

29. Mengeluarkan subperaturan 7(2) dan tafsiran “premis eksport” dimasukkan dalam Peraturan 2: Tafsiran selepas “pihak berkuasa kompeten”.

Pindaan subperaturan 7(2)

(2) dipotong